

# Wang Guishu ketua delegasi lawat UMS

NST 19.9.2019. 8

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah telah menerima lawatan delegasi daripada Wilayah Hunan, "China dengan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Hunan, Wang Guishu mengetuai rombongan delegasi dari Changsha University of Science and Technology, Changsha Social Work College, dan Hunan Industry Polytechnic.

Lawatan tersebut adalah atas hasrat untuk mewujudkan kerjasama yang direalisasikan melalui satu majlis menandatangani Surat Niat atau Letter of Intent (LoI) antara UMS dengan Changsha Social Work College dan Hunan Industry Polytechnic yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Senat, Bangunan Canselor UMS.

UMS diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Rasid Mail menandatangani dokumen LoI tersebut, manakala Changsha Social Work College diwakili oleh Timbalan Presiden, Prof. Li Ke, dan Hunan Industry Polytechnic diwakili Timbalan Presiden, Prof. Zhou Mengshun.

Majlis menandatangani dokumen

turut disaksikan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin; Timbalan Presiden Changsha University of Science and Technology, Prof. Jiang Changbo serta wakil delegasi dari Wilayah Hunan, China.

Melalui kolaborasi tersebut, UMS dan kedua-dua institusi itu akan bekerjasama dalam aktiviti pertukaran kepakaran, penyelidikan, ahli akademik dan pelajar, selain bertukar hasil penyelidikan dan bahan penerbitan, menjalinkan penyelidikan bersama, berkolaborasi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, serta terlibat dalam penyertaan persidangan, simposium, bengkel latihan dan seumpamanya.

Dalam pada itu, Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap ketika menerima rombongan delegasi Wilayah Hunan, China berkata, pihak UMS sentiasa berharap agar dapat meneruskan kolaborasi dengan institusi pendidikan antarabangsa seperti yang terdapat di Wilayah Hunan.

"Sudah semestinya pertukaran akademik dan pelajar antara dua pihak menjadi objektif utama dalam



LOI...Prof. Dr. Rasid (kiri) dan Prof. Li Ke (kanan) menandatangani dokumen LoI sambil disaksikan oleh Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap (lima dari kiri) dan Wang Guishu (enam dari kanan).

kolaborasi yang akan memanfaatkan kedua-dua institusi pendidikan tinggi.

"Diharapkan kerjasama erat yang terjalin ini akan terus diperkukuhkan dan diperkembangkan dalam bidang-bidang lain yang berpotensi," katanya.

Wang Guishu dalam ucapan balasnya pula berkata UMS merupakan

rakan kolaborasi yang amat penting kepada institusi pendidikan tinggi di Wilayah Hunan, dan beliau menjangkakan akan lebih ramai pelajar China dari wilayah tersebut akan memanfaatkan platform kerjasama ini untuk berada di UMS sama ada melalui program mobiliti atau menyambung pengajian.

Hadir sama pada majlis tersebut

Pengarah Confucius Institute, Prof. Dr. Low Kok On; Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UMS, Prof. Dr. Jualang @ Azlan Gansau; Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global, Prof. Dr. Ho Chong Mun; dan Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat UMS, Dr. Jakaria Dasan.